



LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERTENGAHAN TAHUN 2024

**Kementerian Kewangan Malaysia
September 2024**

Isi Kandungan

Pengenalan	1
Pendahuluan.....	1
Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2024	3
Ekonomi Global	3
Permintaan	3
Penawaran.....	4
Sektor Luar Negeri.....	5
Rizab Antarabangsa	6
Harga	6
Pasaran Buruh	7
Status Pencapaian Langkah Cukai	9
Status Pencapaian Hasil.....	11
Status Pencapaian Perbelanjaan	13
Prestasi Perbelanjaan.....	13
Prestasi Perbelanjaan Mengikut Sektor	13
Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Tanggungan	14
Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Bekalan	14
Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Pembangunan.....	15
Perbelanjaan Tambahan di bawah Kumpulan Wang Luar Jangka dan Simpanan Luar Jangka	15
Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	17
Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024.....	19
Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan	28
Penutup.....	30

Pengenalan

Pendahuluan

1. Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 27 Julai 2023 yang menggariskan dua fokus utama iaitu menstruktur ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Kerangka ini diterajui oleh tiga teras utama iaitu menaikkan siling dan menaikkan lantai, tatakelola yang baik serta Reformasi Sektor Awam.
2. Daripada perspektif fiskal, Kerajaan kekal melaksanakan pelan konsolidasi fiskal bagi membina semula penampan dan daya tahan fiskal negara di samping terus menguruskan hutang dan liabiliti Kerajaan. Semasa pembentangan Belanjawan 2024, Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah hasil dan usaha mengoptimum perbelanjaan, terutamanya perbelanjaan subsidi yang beralih daripada secara pukal kepada bersasar.
3. **Laporan Prestasi Perbelanjaan Pertengahan Tahun 2024** merupakan salah satu usaha Kerajaan bagi menambah baik tahap ketelusan belanjawan dalam memastikan sumber awam diperuntukkan dan dibelanjakan dengan berkesan dan cekap ke arah menyokong aspirasi Ekonomi MADANI selaras keperluan yang termaktub di bawah Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal [Akta 850]. Penerbitan laporan ini juga merupakan amalan terbaik di peringkat antarabangsa bagi membina keyakinan awam dalam pengurusan fiskal dan kewangan negara.
4. Penerbitan Laporan Prestasi Perbelanjaan Pertengahan Tahun 2024 merangkumi prestasi pencapaian negara bagi suku tahun kedua 2024 yang meliputi status pencapaian ekonomi, pencapaian hasil, pencapaian perbelanjaan, penggunaan Kumpulan Wang Luar Jangka dan Rizab Luar Jangka, pencapaian pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024 dan langkah-langkah belanjawan serta pencapaian strategi pinjaman dan hutang kerajaan.

Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2024

Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2024

Ekonomi Global

5. Ekonomi global dijangka mencapai kadar pertumbuhan **3.2%** pada tahun 2024 dan seterusnya meningkat ke kadar pertumbuhan **3.3%** pada tahun 2025. Prestasi ekonomi kebanyakan negara dijangka menunjukkan peningkatan, namun tetap berisiko untuk terdedah kepada inflasi dan kadar faedah tinggi yang berpanjangan berikutan kenaikan harga sektor perkhidmatan.

6. Perdagangan antarabangsa dan aktiviti ekonomi telah menunjukkan pengukuhan, yang sebahagian besarnya didorong oleh eksport dari Asia. Ekonomi Eropah mengalami pemulihan berikutan peningkatan aktiviti dalam sektor perkhidmatan, manakala China menunjukkan peningkatan dalam penggunaan domestik. Namun begitu, Amerika Syarikat dan Jepun mengalami kesukaran dalam pertumbuhan ekonomi.

7. Pengurangan kadar peningkatan inflasi global adalah ketara, dengan inflasi harga perkhidmatan yang tinggi secara berterusan. Walaupun kadar peningkatan harga barangan adalah lebih perlahan, peningkatan harga sektor perkhidmatan adalah masih tinggi dan berterusan. Selain itu, peningkatan gaji nominal telah mengatasi inflasi harga bagi beberapa negara. Bank - bank pusat pasaran baru dijangka mengambil langkah berhati-hati dalam pengurangan kadar faedah mengambil kira faktor risiko luaran seperti dasar monetari global, turun naik kadar pertukaran, turun naik harga komoditi, tekanan inflasi dan ketegangan geopolitik.

Permintaan

8. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak **5.9%** pada suku kedua 2024 berbanding pertumbuhan 2.8% yang dicatat pada suku kedua 2023 (S1 2024: 4.2%) disokong oleh permintaan domestik yang kekal mampan berikutan perbelanjaan sektor awam dan swasta serta prestasi eksport yang bertambah baik. Dari segi pelarasan musim suku tahunan, ekonomi berkembang sebanyak 2.9% berbanding pertumbuhan sebanyak 1.5% pada suku tahunan sebelumnya. Secara keseluruhan, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada separuh pertama 2024 mencatat pertumbuhan sebanyak 5.1% berbanding 4.1% pada separuh pertama 2023.

9. Permintaan domestik meningkat sebanyak **6.9%** (S1 2024: 6.1%). Penggunaan swasta berkembang sebanyak **6%** (S1 2024: 4.7%) berikutan peningkatan perbelanjaan dalam segmen makanan dan minuman bukan alkohol; pengangkutan; dan restoran dan hotel. Sementara itu, penggunaan awam berkembang sebanyak 3.6% (S1 2024: 7.3%) didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan berkaitan bekalan dan perkhidmatan.

10. Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatat pertumbuhan sebanyak **11.5%** (S1 2024: 9.6%). Dari segi jenis aset, pertumbuhan PMTK terutamanya disumbangkan oleh peningkatan pelaburan untuk struktur sebanyak 12.6%, dan jentera dan peralatan sebanyak 11.8%. Dari sudut PMTK mengikut sektor pula, **pelaburan swasta** meningkat sebanyak **12%** (S1 2024: 9.2%) manakala **pelaburan awam** berkembang sebanyak **9.1%** (S1 2024: 11.5%) didorong oleh perbelanjaan modal syarikat awam terutamanya dalam sektor minyak dan gas, dan utiliti.

Penawaran

11. Dari sudut penawaran, pertumbuhan ekonomi disokong oleh semua sektor yang telah mencatat prestasi yang memberangsangkan. Sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 5.9% (S1 2024: 4.8%) terutamanya disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan (10.5%); kewangan dan insurans (10.1%); hartanah dan perkhidmatan perniagaan (9.4%); makanan dan minuman dan penginapan (5.8%); dan perdagangan borong dan runcit (4.8%). Pertumbuhan tersebut didorong oleh aktiviti perdagangan yang rancak, pemulihan kukuh segmen insurans serta peningkatan perbelanjaan pengguna dan aktiviti berkaitan pelancongan.

12. Sektor **pembuatan** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.7% (S1 2024: 1.9%) disokong terutamanya oleh peningkatan dalam subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (9.4%); produk petroleum, kimia, getah, dan plastik (4.1%); serta produk elektrik, elektronik dan optikal (3%). Pertumbuhan ini seiring dengan pengukuhan aktiviti ekonomi dalam negara terutamanya berkaitan sektor pembinaan serta pemulihan permintaan luar bagi produk elektrik dan elektronik.

13. Sektor **pembinaan** terus mengukuh sebanyak 17.3% (S1 2024: 11.9%) didorong oleh peningkatan dalam semua subsektor. Subsektor kejuruteraan awam berkembang sebanyak 23.6% dipacu aktiviti pembinaan projek berkaitan infrastruktur dan utiliti. Subsektor aktiviti pembinaan khas meningkat sebanyak 27% disokong oleh aktiviti penambakan laut Projek Pulau Selatan, Pulau Pinang serta kerja berkaitan pemasangan elektrik dan sistem paip. Subsektor bangunan kediaman mencatat pertumbuhan sebanyak 14.1% terutamanya dipacu oleh segmen pangsapuri di Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang manakala bangunan bukan kediaman berkembang sebanyak 2.8%.

14. Prestasi sektor **pertanian** meningkat ketara sebanyak 7.2% (S1 2024: 1.7%) dengan kebanyakan subsektor mencatat pertumbuhan positif. Subsektor kelapa sawit melonjak sebanyak 19% disumbangkan oleh peningkatan pengeluaran buah tandan segar. Subsektor ternakan terus berkembang sebanyak 5.4% dipacu oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi segmen ayam-itik.

15. Sektor **perlombongan** berkembang sebanyak 2.7% (S1 2024: 5.7%) didorong oleh prestasi positif dalam semua subsektor. Subsektor gas asli meningkat sebanyak 2.9% berikutan pengeluaran output yang lebih tinggi. Subsektor minyak mentah dan kondensat juga berkembang sebanyak 1.6% disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan kondensat.

Sektor Luar Negeri

16. Jumlah dagangan berkembang sebanyak 10% kepada **RM705.5 bilion**. Eksport kasar meningkat sebanyak 5.8% kepada RM368.7 bilion disumbangkan oleh peningkatan permintaan bagi barangan pembuatan, barangan pertanian dan barangan perlombongan. Import kasar juga berkembang sebanyak 15% kepada **RM336.8 bilion** berikutan peningkatan import barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan. Malaysia telah mengekalkan **lebih dagangan** yang berjumlah **RM32 bilion** pada S2 2024.

17. Lebih akaun semasa dalam Imbangan Pembayaran menguncup kepada RM3 bilion atau 0.7% daripada Pendapatan Negara Kasar (S1 2024: 3.6%; RM16.2 bilion). Penyusutan ini adalah disebabkan oleh lebih dalam akaun barangan yang lebih rendah dan defisit dalam akaun pendapatan primer yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, akaun perkhidmatan mencatatkan defisit lebih kecil didorong oleh peningkatan ketibaan pelancong.

18. Pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*; FDI) bersih adalah sebanyak RM9.1 bilion (S1 2024: RM5.5 bilion), khususnya dari Jepun, Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat dan China. Pelaburan tersebut telah disalurkan dalam sektor pembuatan; maklumat dan komunikasi; serta perdagangan borong dan runcit.

Rizab Antarabangsa

19. Pada 28 Jun 2024, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah **RM537.3 bilion** (USD113.8 bilion), mencukupi untuk membiayai **5.4 bulan** import barangan dan perkhidmatan, dan **1.0 kali** jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Harga

20. Indeks Harga Pengguna (**IHP**) mencatat peningkatan **1.9%** (S1 2024: 1.7%), terutamanya disumbangkan oleh kumpulan utama perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (3.1%) berikutan peningkatan dalam subkumpulan pembentungan (58.7%) dan subkumpulan bekalan air dan pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman (31.9%). Kumpulan utama lain yang mencatatkan peningkatan melebihi inflasi keseluruhan termasuk perkhidmatan restoran dan perkhidmatan penginapan (3.3%); penjagaan diri, perlindungan sosial, dan pelbagai barangan dan perkhidmatan (3%); dan kesihatan (2%). Kesan rasionalisasi subsidi diesel yang bermula Jun 2024 tidak menunjukkan kesan ke atas indeks. Walaupun kelas perbelanjaan diesel yang menyumbang 0.2% kepada indeks telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5.2%, kumpulan utama pengangkutan mencatatkan kenaikan sederhana sebanyak 0.9% (S1 2024: 1.1%).

21. Indeks Harga Pengeluar (**IHPR**) bagi pengeluaran tempatan meningkat sebanyak **1.6%** (S1 2024: 0.4%), terutamanya disebabkan oleh indeks bekalan air (7.9%), perlombongan (7.1%) dan pertanian, perhutanan dan perikanan (3.4%) yang lebih tinggi. Item di bawah IHPR bagi pengeluaran tempatan mengikut peringkat pemprosesan disumbangkan oleh bahan mentah untuk pemprosesan selanjutnya (4.6%) dan barang siap (2.8%), diikuti oleh bahan perantaraan, bekalan dan komponen, yang mencatat peningkatan marginal sebanyak 0.2%.

Pasaran Buruh

22. Pasaran buruh kekal stabil dengan pewujudan sekitar 190,000 peluang pekerjaan baharu dalam pasaran buruh pada suku kedua 2024. Jumlah guna tenaga meningkat 2.8% kepada 16.6 juta orang manakala **kadar pengangguran** kekal rendah iaitu **3.3%** atau 557,800 penganggur berbanding suku kedua 2023 (S1 2024: 3.3% atau 561,100 penganggur). Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama guna tenaga iaitu 66.3% diikuti oleh sektor pembuatan (16.8%) dan pertanian (9%). Selain itu, pertumbuhan gaji dan upah sektor perkhidmatan kekal menggalakkan iaitu 3.5% terutamanya disumbangkan oleh segmen kesihatan swasta, pendidikan swasta, kesenian, hiburan dan rekreasi serta perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti; serta segmen maklumat dan komunikasi serta pengangkutan dan penyimpanan. Sementara itu, pertumbuhan gaji dan upah sektor pembuatan meningkat sebanyak 1.4% disumbangkan oleh produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka; serta produk makanan, minuman dan tembakau.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]


Status Pencapaian Langkah Cukai

Status Pencapaian Langkah Cukai

23. Dalam Belanjawan 2024, kerajaan telah mengumumkan **34 langkah cukai** bagi meneruskan kesinambungan dasar Kerangka Ekonomi MADANI dan memenuhi komitmen terhadap Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Sehingga 30 Jun 2024, sebanyak 19 langkah cukai telah berjaya dilaksanakan antaranya termasuklah Peluasan Skop Perkhidmatan Bercukai dan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan daripada 6% kepada 8% yang telah berjaya dikuatkuasakan mulai 1 Mac 2024. Namun agar tidak membebankan rakyat, peningkatan kadar ini tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi.

24. Langkah cukai tersebut dilihat telah memberikan impak pertambahan hasil yang signifikan kepada Kerajaan. Bagi tempoh April sehingga 30 Jun 2024, kutipan cukai perkhidmatan adalah sebanyak RM4.3 bilion berbanding RM3.1 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2023. Peningkatan hasil sebanyak RM1.2 bilion telah disumbang oleh pelaksanaan dasar baharu cukai perkhidmatan termasuk faktor-faktor lain seperti peningkatan jumlah perniagaan berdaftar bagi perkhidmatan bercukai sedia ada.

25. Sehingga 30 Jun 2024 juga, sebanyak 15 langkah cukai sedang dalam peringkat pra-pelaksanaan iaitu sebanyak 11 langkah cukai sedang melalui proses semakan dan pindaan perundangan yang berkaitan. Manakala langkah cukai selebihnya sedang dalam proses penyediaan draf dokumen perundangan dan garis panduan. Antara langkah cukai penting di peringkat pra-pelaksanaan adalah seperti Kajian Semula Galakan Cukai Teknologi Hijau dan Potongan Cukai Tambahan bagi Pasaran Karbon Sukarela. Langkah cukai ini selaras dengan pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) yang bertujuan menyokong hasrat Malaysia untuk menjadi negara neutral karbon menjelang tahun 2050. Secara keseluruhannya, ringkasan prestasi pelaksanaan langkah cukai tahun 2024 seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1**.



Rajah 1 : Prestasi Pelaksanaan Langkah Cukai Tahun 2024

Status Pencapaian Hasil

Status Pencapaian Hasil

26. Hasil Kerajaan Persekutuan pada separuh pertama 2024 berkurang 6.3% kepada **RM139.1 bilion** (S1 2023: 19.4%; RM148.4 bilion) terutamanya disebabkan oleh hasil cukai yang lebih rendah. Namun begitu, cukai tidak langsung meningkat 12.4% kepada RM31.3 bilion manakala hasil bukan cukai kekal stabil pada RM33.2 bilion.

27. Kutipan cukai langsung berkurang 14.4% kepada RM74.5 bilion (S1 2023: 28.9%; RM87.1 bilion) disebabkan oleh penurunan kutipan cukai pendapatan individu dan syarikat. Ini adalah berikutan penurunan kadar cukai pendapatan individu bagi banjaran pendapatan bercukai RM35,000 hingga RM100,000 dan penamatan langkah Cukai Makmur. Walau bagaimanapun, hasil cukai langsung lain seperti duti setem dan cukai keuntungan harta tanah meningkat 16.4% kepada RM5.8 bilion (S1 2023: 14.3%; RM5 bilion) seiring dengan peningkatan nilai dan jumlah transaksi jualan harta tanah.

28. Sebaliknya, prestasi kutipan cukai tidak langsung menunjukkan peningkatan memberangsangkan sebanyak 12.4% kepada RM31.3 bilion (S1 2023: 24.8%; RM27.2 bilion) disumbangkan terutamanya oleh kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) serta duti eksais yang lebih tinggi. Kutipan SST meningkat sebanyak 17.6% kepada RM19.7 bilion (S1 2023: 13.3%; RM16.8 bilion) selaras dengan peningkatan kadar cukai perkhidmatan dari 6% ke 8% bermula Mac 2024 bagi semua perkhidmatan kecuali makanan dan minuman serta telekomunikasi. Duti eksais juga meningkat sebanyak 2% kepada RM6.7 bilion (S1 2023: 5.8%; RM6.5 bilion) disumbangkan terutamanya oleh permintaan yang tinggi ke atas kenderaan penumpang. Pada masa yang sama, kesemua komponen cukai tidak langsung yang lain seperti duti eksport, duti import dan levi turut mencatatkan peningkatan yang baik iaitu sebanyak RM5 bilion (S1 2023: RM4.5 bilion).

29. Hasil bukan cukai pula kekal stabil pada RM33.2 bilion (S1 2023: RM33.5 bilion) walaupun hasil daripada pendapatan pelaburan yang lebih rendah. Prestasi hasil bukan cukai ini ditampung oleh peningkatan bayaran perkhidmatan, lesen kenderaan bermotor, levi pekerja asing serta denda dan penalti. Secara keseluruhan, Kerajaan akan terus memastikan agensi kutipan hasil meneruskan inisiatif untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai serta mengurangkan ketirisan hasil melalui peningkatan audit dan siasatan.

Status Pencapaian Perbelanjaan

Status Pencapaian Perbelanjaan

Prestasi Perbelanjaan

30. Berdasarkan prestasi perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada Jun 2024, prestasi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) adalah sebanyak **49%** seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**. Faktor yang menyumbang kepada prestasi perbelanjaan ini adalah perbelanjaan emolumen, caj khidmat hutang, caj persaraan serta subsidi dan bantuan sosial serta peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan.


Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan
(Januari - Jun 2024)

Perkara	Peruntukan Asal 2024 (RM bilion)	Peruntukan Dipinda 2024 (RM bilion)	Perbelanjaan (RM bilion)	Peratus Perbelanjaan (%)
Perbelanjaan Mengurus (OE)	303.8	303.8	157.1	52.0
Perbelanjaan Pembangunan (DE)	90.0	89.9	33.9	38.0
Jumlah	393.8	393.7	191.0	49.0

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2024)

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Sektor

31. Prestasi **OE** sehingga Jun 2024 adalah sebanyak **RM157.1 bilion**. Pecahan OE mengikut sektor sehingga Jun 2024 seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**. Tumpuan perbelanjaan utama adalah sektor sosial yang melibatkan perbelanjaan berkaitan pendidikan dan kesihatan dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk semua serta memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.



Rajah 2 : Prestasi OE dan DE mengikut Sektor bagi tempoh Januari-Jun 2024

32. Prestasi **DE** bagi enam bulan pertama tahun ini adalah sebanyak **RM33.9 bilion**. Sektor Ekonomi mencatatkan perbelanjaan terbesar setakat Jun 2024 dengan perbelanjaan berjumlah RM17.8 bilion. Antara komponen terbesar perbelanjaan adalah bagi subsektor pengangkutan yang berjumlah RM7.8 bilion dan subsektor kewangan yang berjumlah RM5.5 bilion.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Tanggungan

33. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Tanggungan sehingga Jun 2024 adalah sebanyak RM46.0 bilion dan pecahan OE Vot/Dana Tanggungan adalah seperti di **Lampiran A**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah yang melibatkan perbelanjaan berkaitan pencen, elaun bersara dan ganjaran serta hutang negara.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Bekalan

34. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Bekalan sehingga Jun 2024 adalah sebanyak RM111.0 bilion dan pecahan OE Vot/Dana Bekalan adalah seperti di **Lampiran B**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah yang melibatkan perbelanjaan berkaitan emolumen dan operasi Kementerian/Agensi serta program-program yang melibatkan subsidi dan kos sara hidup.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Pembangunan

35. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Pembangunan sehingga Jun 2024 adalah sebanyak RM33.9 bilion dan pecahan DE Vot/Dana Pembangunan adalah seperti di **Lampiran C**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Pembangunan antaranya melibatkan perbelanjaan berkaitan penambahbaikan kemudahan infrastruktur luar bandar, menaiktaraf dan membaiki sekolah dan klinik daif serta projek pembangunan rumah rakyat.

Perbelanjaan Tambahan di bawah Kumpulan Wang Luar Jangka dan Simpanan Luar Jangka

36. Sehingga 30 Jun 2024, terdapat **tambahan OE** sebanyak **RM4.5 juta** yang telah diluluskan di bawah Kumpulan Wang Luar Jangka (CFAW) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**:

Jadual 2: Perbelanjaan Mengurus Tambahan di bawah Kumpulan Wang Luar Jangka
(Januari - Jun 2024)

Bil.	Vot/Dana	Jumlah Tambahan (RM juta)	No. Waran	Tujuan
1.	B.12 - Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	2.0	Waran Pendahuluan CFAW Bil.1 Tahun 2024	Memperuntukkan dana ke dalam Kumpulan Wang Amanah Rakyat di Luar Negeri (KWARM)
2.	B.04 - Suruhanjaya Pilihan Raya	2.5	Waran Pendahuluan CFAW Bil.2 Tahun 2024	Pilihan Raya Kecil DUN Kuala Kubu Bharu
	Jumlah	4.5		

37. Sejumlah **RM70** telah diluluskan sebagai **tambahan DE 2024** (peruntukan token/tanda)* melalui Simpanan Luar Jangka (CRAW) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Perbelanjaan Pembangunan Tambahan di bawah Simpanan Luar Jangka
(Januari - Jun 2024)

Bil.	Vot/Dana	Jumlah Tambahan (RM)	No. Waran	Tujuan
1.	P.30 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	10	Waran Pendahuluan CRAW Bil.1 Tahun 2024	Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI)
2.	P.27 - Kementerian Kerja Raya	10	Waran Pendahuluan CRAW Bil.2 Tahun 2024	Pengambilan Tanah Bagi Projek-Projek Jalan / Jambatan
3.	P.27 - Kementerian Kerja Raya	10	Waran Pendahuluan CRAW Bil.3 Tahun 2024	Sarawak: Naiktaraf Jalan-Jalan (II)
4.	P.28 - Kementerian Pengangkutan	10	Waran Pendahuluan CRAW Bil.4 Tahun 2024	Penswastaan ERL
5.	P.43 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	10	Waran Pendahuluan CRAW Bil.5 Tahun 2024	Program Perumahan Rakyat Bersepadu
6.	P.21 - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	10	Waran Pendahuluan CRAW Bil.6 Tahun 2024	Program Kawalan Banjir Kawasan
7.	P.43 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	10	Waran Pendahuluan CRAW Bil.7 Tahun 2024	Promosi dan Pembangunan Industri
	Jumlah	70		

* Nota: Peruntukan token/tanda adalah peruntukan tambahan yang disediakan untuk mewujudkan butiran baharu di bawah projek DE bagi tahun semasa. Nilai peruntukan token/tanda adalah sebanyak RM10.

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

38. Bagi separuh pertama 2024, baki semasa mencatatkan defisit RM18 bilion (S1 2023: RM4.6 bilion), manakala kedudukan fiskal keseluruhan mencatat defisit RM51.6 bilion (S1 2023: -RM39.8 bilion). Ringkasan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Ringkasan Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

RM bilion	2023 ¹	2024 ²	2023					2024		
			Q1	Q2	S1	Q3	Q4	Q1	Q2	S1
Hasil	315.0	307.6	76.2	72.2	148.4	77.9	88.7	70.0	69.1	139.1
Belanja mengurus	311.3	303.8	66.6	77.2	143.8	69.7	97.7	77.7	79.4	157.1
Baki semasa	3.7	3.8	9.6	-5.0	4.6	8.2	-9.0	-7.7	-10.4	-18.0
Belanja pembangunan kasar	96.1	90.0	26.6	18.1	44.8	19.8	31.5	18.9	15.1	34.0
Tolak: Bayaran balik pinjaman	1.0	0.8	0.2	0.2	0.4	0.2	0.4	0.2	0.2	0.4
Belanja pembangunan bersih	95.1	89.2	26.4	17.9	44.4	19.6	31.1	18.7	14.9	33.6
Baki keseluruhan	-91.4	-85.4	-16.8	-22.9	-39.8	-11.4	-40.1	-26.4	-25.1	-51.6
% kepada KDNK	-5.0	-4.3								

¹ Awalan

² Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2024

Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024

Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024


39. Bagi memastikan inisiatif utama dalam Belanjawan 2024 dilaksanakan dengan lancar, Kerajaan telah menubuhkan Unit Pantau MADANI (PMU), Kementerian Kewangan (MOF) yang diberi tanggungjawab memantau, memudahkan dan melaksanakan intervensi ke atas pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024 dan Ekonomi MADANI.

40. Belanjawan 2024 bertemakan “**Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat**” adalah Belanjawan MADANI Kedua sebagai kesinambungan dasar yang menelusuri Kerangka Ekonomi MADANI, menunjukkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam menaikkan siling iaitu meningkatkan ekonomi dan menaikkan lantai, iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Inisiatif Belanjawan 2024 yang disediakan adalah berlandaskan kepada teras berikut:

- i. **Penambahbaikan tatakelola** dalam semua urusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan;
- ii. **Menaikkan Siling** iaitu menstruktur semula ekonomi bagi mencapai sasaran lebih tinggi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia; dan
- iii. **Menaikkan Lantai** iaitu meningkatkan darjat hidup rakyat.

41. Melalui Belanjawan 2024, Kerajaan telah memperuntukkan RM393.8 bilion, yang mana RM303.8 bilion diagihkan untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM90.0 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan. Sejumlah RM2.0 bilion disediakan di bawah Simpanan Luar Jangka. Pada masa yang sama, PMU turut memantau pelaksanaan inisiatif belanjawan bukan fiskal Kerajaan yang menggunakan dana sedia ada agensi pelaksana berjumlah RM64.5 bilion. Ini menjadikan keseluruhan Inisiatif Belanjawan 2024 berjumlah RM460.3 bilion seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3**. Walau bagaimanapun, perhatian khusus diberikan kepada 50 inisiatif yang berimpak tinggi berjumlah RM82.6 bilion merangkumi 25 inisiatif di bawah strategi Menaikkan Siling sebanyak RM56.4 bilion dan 25 inisiatif di bawah strategi Menaikkan Lantai sebanyak RM26.2 bilion.

Belanjawan 2024 berjumlah RM393.8 bilion termasuk Inisiatif Bukan Fiskal Kerajaan RM64.5 bilion



Unit Pantau MADANI memantau sebanyak 379 inisiatif berjumlah RM101.2 bilion, merangkumi Fiskal Kerajaan RM36.7 bilion dan Bukan Fiskal Kerajaan yang menggunakan dana sedia ada agensi pelaksana RM64.5 bilion

Rajah 3: Belanjawan 2024 berjumlah RM393.8 bilion termasuk Inisiatif Bukan Fiskal Kerajaan RM64.5 bilion

Status semasa inisiatif utama di bawah Belanjawan 2024

42. Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024 telah dikategorikan kepada tiga teras strategik utama iaitu Penambahbaikan Tatakelola, Menaikkan Siling dan Menaikkan Lantai. PMU memantau sebanyak **379 inisiatif berjumlah RM101.2 bilion**, merangkumi Fiskal RM36.7 bilion dan Bukan Fiskal RM64.5 bilion di mana RM64.0 bilion atau 142 inisiatif disediakan bagi Menaikkan Siling manakala RM35.8 bilion atau 163 inisiatif disediakan untuk Menaikkan Lantai. Selain itu, sebanyak 74 inisiatif berjumlah RM1.4 bilion disediakan bagi menambahbaik tatakelola dalam semua urusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 4**.


Pemantauan 379 Inisiatif Belanjawan 2024 berjumlah RM101.2 bilion



Teras Strategik	Sub-Teras Strategik	Inisiatif	Peruntukan (RM' bil)
Menaikkan Siling 142 Inisiatif RM64.0 bn	Destinasi Pelaburan Berdaya Saing & Bertaraf Global	33	5.6
	Industri Berteraskan Digital & Inovasi	12	1.7
	Peneraju Ekonomi Islam Global	4	0.6
	Jaguh PMKS Serantau	65	47.5
	Keterjaminan & Kemampuan Ekonomi	28	8.6
Menaikkan Lantai 163 Inisiatif RM35.8 bn	Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi	17	2.0
	Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang	19	1.9
	Akses Sejagat Pendidikan & Kesihatan	32	5.5
	Kemudahan Asas Bertaraf Dunia	18	1.5
	Perlindungan Sosial untuk Semua	77	24.9
	Dengan Semangat Perpaduan	23	0.5
	Tatakelola Yang Baik	12	0.2
Meningkatkan Tatakelola & Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan 74 Inisiatif RM1.4 bn	Penyampaian Perkhidmatan Awam Yang Tangkas & Kolaboratif	39	0.7
	Jumlah	13 Sub-Teras Strategik	379
			101.2

Rajah 4: Pemantauan 379 Inisiatif Belanjawan 2024 berjumlah RM101.2 bilion

43. Sehingga 30 Jun 2024, sebanyak **338 inisiatif daripada 379 inisiatif** telah mula dilaksanakan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM19.3 bilion bersamaan 19.1%. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan sebanyak RM17.5 bilion merupakan inisiatif berimpak tinggi yang memanfaatkan rakyat. Kemajuan pelaksanaan 379 Inisiatif Belanjawan 2024 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 5**.



Rajah 5: Kemajuan Pelaksanaan 379 Inisiatif Belanjawan 2024

Pertama: Tatakelola Terbaik Demi Ketangkasan Perkhidmatan

44. Beberapa kajian berkenaan reformasi institusi telah dilaksanakan bagi menambah baik kemampunan hasil, perlindungan sosial, tatakelola syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan pengurusan hutang negara. Hasil daripada kajian tersebut akan digunakan untuk menambah baik pengenaan duti setem serta menyelaraskan pentadbiran insentif cukai bagi mengurangkan ketirisan kutipan hasil; memperkukuh pentadbiran cukai termasuk mempermudah pulangan balik cukai serta memusatkan usaha kutipan cukai; memperluas liputan sistem perlindungan sosial terutamanya melibatkan warga emas dan sektor tidak formal; menstruktur semula institusi kewangan pembangunan (DFI) melalui penggabungan Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Bank dan Exim Bank; serta memperkukuh persekitaran modal teroka melalui pemusatan agensi modal teroka seperti Penjana Kapital dan MAVCAP di bawah Khazanah Nasional Berhad.

45. Bagi mengurangkan ketirisan hasil dan memastikan subsidi diterima oleh golongan yang betul-betul memerlukan, Kerajaan telah melaksanakan pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa dimulakan dengan subsidi ayam dan telur, subsidi elektrik dan yang terkini subsidi bahan api diesel. Program BUDI MADANI telah dilancarkan pada 28 Mei 2024 bagi memastikan peruntukan subsidi diesel disasarkan kepada golongan yang layak di Semenanjung Malaysia. Penyasaran subsidi diesel tidak dilaksanakan di Sabah dan Sarawak memandangkan diesel merupakan bahan api utama yang mempunyai penggunaan tinggi di wilayah tersebut berbanding di Semenanjung. Sehingga kini, sebanyak 115,000 permohonan telah diluluskan dengan bantuan tunai RM200 sebulan atau RM2,400 setahun kepada warganegara Malaysia terdiri daripada pemilik kenderaan diesel individu, golongan petani, penternak dan pekebun kecil komoditi yang berdaftar.

46. Selepas pewartaan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850], Kerajaan meneruskan usaha menambahbaik urusan reformasi tatakelola dengan cadangan pembentangan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan di Parlimen pada sidang Parlimen akan datang. Sementara itu, Kerajaan juga telah memudah cara penyampaian perkhidmatan dalam melaksanakan program/ projek Kementerian. Antaranya, bagi menyegerakan proses perolehan yang melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan, had nilai bagi lantikan terus dan tender terbuka telah dinaikkan sehingga RM200,000 bagi Kementerian tertentu. Selain itu, Kerajaan juga telah menaikkan had nilai bagi sebut harga antara RM1 juta sehingga RM1.2 juta mengikut skop kerja dan Kementerian yang berkaitan.

47. Kerajaan juga nekad melaksanakan reformasi bagi mengurangkan karenah birokrasi dan menyegerakan projek rakyat serta menyampaikan perkhidmatan Kerajaan dengan berkesan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah memperkenalkan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. STAR telah berjaya mempercepat pelaksanaan projek khususnya menyelesaikan isu kesesakan di hospital, dan pembaikan sekolah dan klinik daif. Pada tahun 2024, Pasukan STAR turut diberi tanggungjawab untuk mempercepat pelaksanaan projek selenggara lif dan membaik pulih kuarters penjawat awam dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

Kedua: Penstrukturan Semula Ekonomi Bagi Melonjak Pertumbuhan

48. Bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (**NIMP**) telah diperkenalkan. NIMP 2030 merupakan dasar perindustrian komprehensif yang menjurus ke arah menggalakkan pertumbuhan dan kemajuan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan dan perkilangan Malaysia. NIMP 2030 menyasarkan peningkatan nilai ditambah pembuatan sebanyak 6.5% setahun kepada RM587.5 bilion menjelang 2030.

49. Dalam Belanjawan 2024, sebanyak RM200 juta ringgit telah disediakan sebagai dana permulaan pemangkin NIMP 2030 yang menyasarkan jumlah pelaburan keseluruhan sehingga RM95 bilion menjelang 2030. Sehingga kini, pelaksanaan NIMP 2030 dapat menarik beberapa pelaburan penting, antaranya:

- i. Lam Research International Sdn. Bhd. – *Semiconductor Front End Processing Equipment, Parts and Components, Related Modules.*
- ii. Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd. – *Wafer fabrication of Wide Bandgap Technologies (6" and/or 8") Silicon Carbide (SiC) and Gallium Nitride (GaN) wafer.*
- iii. ByteDance System Sdn. Bhd. – *Data Centre.*
- iv. Amazon Web Services (AWS) – *Cloud Computing Infrastructure.*

50. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (**NETR**) merupakan pelan bagi peralihan sektor tenaga ke arah mencapai sasaran pelepasan gas rumah hijau (GHG) sifar bersih seawal tahun 2050 dengan menumpukan enam pemacu peralihan tenaga iaitu kecekapan tenaga (EE), tenaga boleh baharu (TBB), hidrogen, biotenaga, mobiliti hijau, dan pemerangkapan, penggunaan, dan penyimpanan karbon (*carbon capture, utilisation and storage* - CCUS) serta 10 projek rintis perdana.

51. Kerajaan telah menyediakan dana Fasiliti Mudah Cara Peralihan Tenaga (NETF) sebanyak RM2 bilion sebagai pemangkin untuk memastikan kelancaran sumber kewangan bagi projek peralihan tenaga yang ada kekangan pinjaman atau potensi pulangan di bawah pasaran. Sehingga kini, pelaburan NETR adalah bernilai RM60.7 bilion, pewujudan 84,544 peluang pekerjaan yang berkemahiran dan bernilai tinggi serta mengurangkan pelepasan GHG dianggarkan 24,264 gigagram pelepasan karbon dioksida setara setiap tahun.

52. Status pelaksanaan bagi beberapa projek rintis perdana yang disenaraikan di bawah NETR adalah seperti berikut:

- i. *Hybrid Hydro Floating Solar* – Proses tender untuk kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) telah bermula dengan Kajian Kemungkinan di Chenderoh dan Temenggor, manakala kajian impak alam sekitar dan kajian impak sosial sedang dilaksanakan di Tasik Kenyir.
- ii. *Integrated Renewable Energy Zone* (TBB) – Lokasi projek telah dikenal pasti dan rundingan sedang berjalan mengenai perjanjian berkaitan projek.
- iii. *Biomass Co-Firing* – Pembinaan dan pemasangan sistem *co-firing* 2% telah bermula di Tanjung Bin Power Plant.
- iv. *Kasawari carbon capture storage* – Pembinaan projek Kasawari-M1 kini sedia untuk peringkat *Hook-up and Commissioning* (HUC), 3% lebih awal dari jadual.

53. Selaras dengan konsep Putrajaya Bandar Rendah Karbon, sembilan buah bangunan telah dikenalpasti untuk pemasangan bumbung solar. Dengan mengurangkan penggunaan tenaga dari sumber tidak boleh diperbaharui, bumbung solar membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan jejak karbon bangunan, menyokong usaha untuk memerangi perubahan iklim dan dapat mengurangkan kos operasi Kerajaan dalam jangka masa panjang.

54. Selain itu, Projek Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) akan menjadi kawasan perindustrian berteknologi tinggi dan akan menawarkan ekosistem yang lebih luas untuk kluster E&E di wilayah utara dan membentuk sinergi dengan kawasan perindustrian di Bayan Lepas Pulau Pinang dan Kulim Hi-Tech Park, Kedah. KIGIP dibangunkan sebagai taman perindustrian hijau dan pintar dan akan menjadi model untuk menerapkan tenaga boleh baharu ke dalam pembangunan perindustrian. Pembangunan 700 ekar ladang solar akan dibina bersebelahan dengan zon industri tersebut bagi menyokong konsep hijau dan pintar di KIGIP. Sumber daripada tenaga boleh baharu akan menjadi tonggak strategik utama yang menjadi daya tarikan kepada syarikat dan industri untuk melabur di KIGIP, dan akan membantu aspirasi negara ke arah mencapai neutral karbon seawal 2050.

55. Bagi menyokong peningkatan kapasiti perniagaan serta daya saing dalam melonjak pertumbuhan pendapatan rakyat pula, Kerajaan telah menyediakan pinjaman dan jaminan pembiayaan untuk usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) berjumlah sehingga RM44 bilion. Sehingga kini, sebanyak RM2.9 bilion telah diluluskan kepada 20,864 peminjam. Antaranya, Skim Pinjaman Mikro di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN) yang telah memberi manfaat kepada lebih 6,500 peminjam dengan dana bernilai RM245.7 juta bagi membantu penjaja, peniaga, usahawan mikro, pekerja gig atau graduan baharu yang ingin memulakan perniagaan.

Ketiga: Peningkatan Darjat Hidup Rakyat

56. Dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan darjat hidup rakyat, Kerajaan meneruskan penyaluran Sumbangan Tunai Rahmah (**STR**) Fasa 1 dan Fasa 2 sebanyak **RM3.6 bilion** yang telah memberi manfaat kepada **8.4 juta penerima**. Bantuan maksimum STR telah dinaikkan kepada RM3,700 berbanding RM3,100 pada tahun 2023 yang telah memberi manfaat kepada 8.4 juta penerima. Di samping itu, peruntukan Sumbangan Asas Rahmah (**SARA**) telah ditingkatkan kepada **RM700 juta** berbanding RM130 juta pada tahun 2023 dan telah berjaya memberi manfaat kepada 700,000 penerima. Kerajaan mengkreditkan RM100 sebulan ke dalam MyKad penerima SARA untuk tempoh 12 bulan. Bantuan Awal Persekolahan (**BAP**) juga telah diperluaskan kepada semua murid dengan peruntukan sebanyak **RM788.1 juta**. Sehingga kini, seramai **5 juta murid** telah menerima bantuan tersebut melibatkan perbelanjaan sebanyak RM775.6 juta bagi tujuan membantu meringankan perbelanjaan ibu bapa dalam membeli kelengkapan sekolah.

57. Selain itu, bagi membantu rakyat yang memerlukan sumber kewangan dalam masa terdekat, KWSP telah memperkenalkan **Akaun Fleksibel (10%)** sebagai akaun simpanan baharu yang mana simpanan dalam Akaun Fleksibel ini boleh dikeluarkan pada bila-bila masa mengikut keperluan. Sejak dilancarkan sehingga kini, KWSP telah **meluluskan 3.28 juta permohonan** untuk **pengeluaran sebanyak RM8 bilion** bersamaan 68.9% daripada jumlah keseluruhan Akaun Fleksibel.

58. Inisiatif Pendapatan Rakyat (**IPR**) yang telah dilancarkan pada tahun 2023 diperluaskan lagi dengan tambahan peruntukan sebanyak RM500 juta pada tahun ini. Sehingga kini, seramai 4,504 orang daripada golongan miskin/miskin tegar telah mengikuti program tersebut dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM337.3 juta.

59. Bagi merapatkan jurang kemudahan asas dan bandar dan mempercepatkan pelaksanaan projek kecil di kampung melibatkan kemudahan asas air, elektrik, jalan, lampu jalan, kemudahan masyarakat dan capaian internet melalui pendekatan *Whole-of-Government*, Kerajaan telah memperkenalkan **Kampung Angkat Madani** dengan peruntukan berjumlah RM100 juta dengan kelulusan maksimum RM2.5 juta setiap kampung. Sehingga kini, peruntukan bernilai RM86.3 juta telah disalurkan kepada kementerian dan agensi terlibat, meliputi 42 buah kampung yang dikenal pasti.

60. Selain itu, sebanyak **RM1 bilion** disediakan bagi menjalankan **Program Sejahtera Komuniti MADANI** dalam sektor pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula. Dalam hal ini, **geran antara RM50,000 hingga RM100,000** disediakan untuk **10,000 komuniti** bagi tujuan tersebut. Sehingga kini, daripada RM490 juta yang telah disalurkan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, sebanyak RM27.5 juta (5.6%) telah diluluskan kepada 334 komuniti.

Pencapaian Pelaksanaan Keseluruhan Inisiatif Belanjawan 2024


61. Secara keseluruhannya, sebanyak **8% daripada 379 inisiatif strategik** Belanjawan 2024 telah **selesai** dilaksanakan. Manakala, **81% inisiatif masih dalam pelaksanaan**. Pencapaian Inisiatif Belanjawan 2024 di pertengahan tahun 2024 berada di landasan yang tepat dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. MOF akan terus memantau Inisiatif Belanjawan 2024 secara berkala bagi memastikan setiap peruntukan digunakan selari dengan garis masa dan unjuran yang telah dipersetujui bersama Agensi Pelaksana. MOF mendapati komitmen yang ditunjukkan oleh Kementerian dan Agensi Pelaksana dalam melaksanakan program-program yang dirancang adalah pada tahap yang memberangsangkan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan

Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan

62. Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan sehingga akhir Jun 2024 dilaksanakan sepenuhnya melalui terbitan instrumen hutang Kerajaan dalam pasaran domestik sebanyak RM112.5 bilion berbanding RM128.0 billion pada akhir Jun 2023. Pinjaman tersebut terdiri daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) (RM45.0 bilion), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) (RM49.5 bilion) dan bil perbendaharaan (RM18.0 bilion). Daripada jumlah terimaan tersebut, sebanyak RM57.1 bilion untuk membiayai semula hutang yang matang, RM51.5 bilion untuk membiayai defisit fiskal manakala baki sebanyak RM3.9 bilion untuk membiayai hutang yang akan matang pada suku ketiga tahun 2024. Pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dianggarkan terus berkurang kepada sekitar RM86 bilion, jauh lebih rendah berbanding pinjaman tahun 2022 yang hampir mencecah RM100 bilion dan RM93 bilion pada 2023 seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 6**.



Rajah 6: Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan

*Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

63. Pada akhir Jun 2024, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat RM1,227.5 bilion atau 63.5% daripada KDNK (2023: RM1,172.5 bilion; 64.3% KDNK). Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan adalah hutang dalam negeri berdenominasi ringgit merangkumi 97.6% daripada jumlah hutang, manakala baki 2.4% merupakan pinjaman luar pesisir dalam mata wang asing. Struktur komposisi ini memberi manfaat dengan meminimalkan pendedahan Kerajaan Persekutuan kepada risiko mata wang asing.

64. Dari aspek perundangan, jumlah terkumpul bagi setiap instrumen hutang adalah tidak melebihi had statutori yang ditetapkan di bawah Akta berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Perundangan Hutang

Akta	Had Statutori	Akhir Jun 2024
Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]	MGS ¹ , MGII ² dan MITB ² terkumpul tidak melebihi 65% daripada KDNK	61.7% daripada KDNK
Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	RM29.3 bilion
Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]	MTB tidak melebihi RM10 bilion	RM6 bilion

¹Instrumen diterbitkan di bawah Akta 637 ialah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)

²Instrumen diterbitkan di bawah Akta 275 ialah Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB)

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

65. Mengurangkan hutang negara merupakan antara keutamaan Kerajaan MADANI. Komitmen Kerajaan terhadap perkara ini adalah selaras dengan sasaran objektif fiskal di dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] yang menetapkan supaya paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 60% daripada KDNK dalam tempoh jangka sederhana. Pelaksanaan konsolidasi fiskal meliputi langkah hasil dan perbelanjaan merupakan usaha Kerajaan ke arah menambah baik kedudukan kewangan awam seterusnya memastikan kemampanan hutang dalam jangka sederhana dan panjang.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Penutup

66. Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan pertengahan tahun 2024 Kerajaan Persekutuan adalah seperti mana yang dirancang. Dalam melaksanakan perbelanjaan, Kerajaan akan terus komited bagi memastikan keseimbangan dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan memastikan kedudukan fiskal yang kukuh serta mapan. Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pembaharuan melalui penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] untuk menambahbaik tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam menguruskan kewangan negara. Langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan sistem percukaian, meningkatkan keberkesanan pengurusan perbelanjaan dan mengurangkan pendedahan risiko fiskal akan terus dipergiatkan bagi memastikan dasar fiskal yang kukuh dan pengurusan hutang yang berhemat. Kerajaan turut akan melaksanakan pembaharuan fiskal seperti Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) dan semakan semula perbelanjaan awam dalam usaha untuk menyokong agenda pembangunan negara dan melindungi kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI
MAKSUD TANGGUNGAN (JANUARI - JUN 2024)**

Maksud	Peruntukan Asal 2024 (RM juta)	Peruntukan Dipinda 2024 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
T.01-T.14	89,245.7	89,245.7	46,056.9	52

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2024)

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI MAKSUD BEKALAN
(JANUARI - JUN 2024)**

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan Asal 2024 (RM juta)	Peruntukan Dipinda 2024 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
B.1	Parlimen Malaysia	167.8	167.8	76.5	46
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	3.6	3.6	1.5	41
B.3	Jabatan Audit Negara	166.7	166.7	83.9	50
B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya	64.3	66.8	31.2	47
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	45.1	45.1	18.3	41
B.6	Jabatan Perdana Menteri	4,964.6	4,857.0	2,238.0	46
B.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	479.5	501.2	1,396.8	279
B.8	Jabatan Peguam Negara	241.6	241.6	96.8	40
B.9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	313.0	313.0	160.0	51
B.10	Perbendaharaan	4,414.6	4,414.6	2,033.5	46
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	47,903.2	47,903.2	26,951.4	56
B.12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,660.7	1,662.7	1,475.8	89
B.13	Kementerian Luar Negeri	916.8	916.8	463.7	51
B.14	Kementerian Perpaduan Negara	547.6	549.0	257.5	47
B.15	Kementerian Ekonomi	551.7	544.2	265.6	49
B.20	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	428.3	428.3	202.9	47

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan Asal 2024 (RM juta)	Peruntukan Dipinda 2024 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
B.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	4,416.2	4,416.2	1,302.6	29
B.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	4,115.4	4,115.4	2,009.8	49
B.23	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	1,702.5	1,362.4	790.6	58
B.24	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	640.8	640.8	311.9	49
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	1,813.0	1,812.2	1,050.9	58
B.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	231.8	232.6	108.7	47
B.27	Kementerian Kerja Raya	949.4	949.4	440.4	46
B.28	Kementerian Pengangkutan	1,642.0	1,642.0	626.8	38
B.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	705.6	705.6	322.8	46
B.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	933.5	933.5	523.5	56
B.33	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	-	340.1	123.3	36
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	22.0	22.0	10.9	50
B.42	Kementerian Kesihatan	35,150.2	35,150.2	16,122.1	46
B.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,868.2	1,868.2	944.0	51

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan Asal 2024 (RM juta)	Peruntukan Dipinda 2024 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
B.45	Kementerian Belia dan Sukan	632.7	567.8	262.4	46
B.46	Kementerian Sumber Manusia	889.6	889.6	433.7	49
B.47	Kementerian Komunikasi	1,048.3	1,028.7	442.5	43
B.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	3,257.0	3,257.0	1,616.8	50
B.50	Kementerian Digital	-	176.5	64.6	37
B.60	Kementerian Pertahanan	12,678.5	12,678.5	6,111.5	48
B.62	Kementerian Dalam Negeri	13,984.8	13,984.8	7,202.6	52
B.63	Kementerian Pendidikan	52,790.8	52,790.8	28,238.8	53
B.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	12,212.8	12,212.8	6,232.5	51
Jumlah		214,554.2	214,558.7	111,047.1	52

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2024)

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI
MAKSUD PEMBANGUNAN (JANUARI - JUN 2024)**

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan 2024 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
P.6	Jabatan Perdana Menteri	6,426.6	2,086.1	32
P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,138.4	407.1	36
P.10	Perbendaharaan	12,594.0	7,658.5	61
P.13	Kementerian Luar Negeri	209.8	36.5	17
P.14	Kementerian Perpaduan Negara	88.2	55.4	63
P.15	Kementerian Ekonomi	2,940.7	612.9	21
P.20	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	304.4	185.2	61
P.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	1,754.5	532.7	30
P.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	7,439.2	3,181.2	43
P.23	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	840.6	208.2	25
P.24	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	1,310.9	467.1	36
P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	65.0	26.9	41
P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	549.0	279.1	51
P.27	Kementerian Kerja Raya	8,561.8	2,885.5	34
P.28	Kementerian Pengangkutan	4,645.6	1,551.4	33
P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	535.9	184.3	34
P.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	150.0	66.9	45
P.33	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	4,589.9	906.8	20

Maksud	Kementerian/ Jabatan	Peruntukan 2024 (RM juta)	Perbelanjaan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
P.42	Kementerian Kesihatan	6,067.6	2,394.4	39
P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	3,778.8	1,352.0	36
P.45	Kementerian Belia dan Sukan	488.2	154.8	32
P.46	Kementerian Sumber Manusia	578.0	163.3	28
P.47	Kementerian Komunikasi	1,379.1	225.9	16
P.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	265.8	94.0	35
P.50	Kementerian Digital	1,103.5	484.7	44
P.60	Kementerian Pertahanan	7,053.0	2,441.1	35
P.62	Kementerian Dalam Negeri	5,039.2	1,592.9	32
P.63	Kementerian Pendidikan	5,935.6	1,805.9	30
P.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	4,126.7	1,893.8	46
Jumlah		89,960.0	33,934.6	38

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2024)